

SOALAN NO. 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2017 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah usaha dan pendekatan yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi menggalakkan peningkatan tenaga kerja wanita di peringkat pengurusan tertinggi di sektor korporat bagi memaksimumkan potensi golongan wanita dalam semua bidang khususnya di kalangan wanita profesional .

75

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Dasar sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Jun 2011. Dasar tersebut diyakini dapat meningkatkan bilangan wanita yang kompeten di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat dan seterusnya membolehkan mereka menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Bagi tujuan ini, KPWKM melalui agensinya NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW) telah pun melaksanakan Program Pengarah Wanita atau dengan izin *Women Directors' Program* bagi melatih wanita yang kompeten untuk diketengahkan sebagai Ahli Lembaga Pengarah syarikat tersenarai awam atau dengan izin *Public Listed Companies (PLCs)* di Bursa Malaysia. Bagi tempoh 2012 hingga 2016 seramai 1,051 calon pengarah wanita telah pun menyertai Program Pengarah Wanita tersebut.

Bagi tujuan ini, Kementerian menggariskan perlantikan atau dengan izin *placement* wanita sebagai ahli lembaga pengarah dalam syarikat tersenarai awam di Bursa Malaysia sebagai salah satu indikator penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat. Sehingga 30 September 2017, statistik daripada Bursa Malaysia menunjukkan bahawa terdapat 843 orang wanita atau 13.0 peratus dari keseluruhan 6,491 ahli lembaga pengarah syarikat tersenarai awam di Bursa Malaysia berbanding dengan 7.9 peratus pada tahun 2012. Berdasarkan statistik daripada Bursa Malaysia juga, sehingga 30 September 2017 terdapat 164 orang wanita atau 19.1 peratus dari keseluruhan 857 orang ahli lembaga pengarah syarikat dalam 100 syarikat tersenarai awam teratas berdasarkan modal pasaran di Bursa Malaysia atau dengan izin, Top 100 Public Listed Companies by market capitalization in Bursa Malaysia. Sehingga 31 Disember 2016, statistik dari Bursa Malaysia menunjukkan bahawa terdapat 26.3 peratus perlantikan wanita dalam pengurusan tertinggi di sektor korporat.

Untuk makluman, pencapaian *placement* wanita sebagai ahli lembaga pengarah syarikat dalam PLCs tersebut di negara ini setakat ini telah pun mengatasi negara Singapura dan Jepun .

77

Bagi tempoh 2013 hingga September 2017 , terdapat 63 *placement* baru wanita yang dilatih oleh NIEW melalui Program Pengarah Wanita dalam syarikat tersenarai awam (PLCs) di Bursa Malaysia.

Di samping itu , Kerajaan telah pun menubuhkan *30 Per Cent Club* di Malaysia pada Mei 2015 bagi meningkatkan *buy-in* serta kesedaran dari sektor korporat mengenai dengan izin *board diversity* dan seterusnya melantik lebih ramai wanita sebagai ahli lembaga pengarah syarikat. Berbagai-bagai program seperti sesi dengan izin *engagement* dengan pemimpin bisnes korporat, *luncheon talks*, promosi melalui media juga telah diadakan.